

(1)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Manusia Sentiasa Disuruh Beribadat Kepada Allah Ta'ala

Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ إِنْجِنَّ وَالْإِنْسَانَ لِيَعْبُدُونِي

Ertinya: Dan tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk membuat ibadat kepada aku.

Maksud ibadat:

Ialah tiap-tiap pekerjaan yang kita buat yang tidak maksiat yang dilakukan dengan nama Allah, semuanya dinamakan ibadat seperti: sembahyang, puasa, zakat, haji, membaca Al-Quran, membaca hadis nabi, membaca kitab-kitab ugama, berzikir, bekerja sendiri, menjadi suri rumah, pembantu rumah, makan, minum, makan kenduri, berziarah, musafir, menasihat, mendengar nasihat, bersyarah, mengajar, belajar, membaca buku pelajaran, membaca berita, mendengar berita, menjadi penternak, menjadi petani, berniaga, makan gaji, menjadi pengurus, setiausaha dan lain-lain kerja yang tidak maksiat yang dibuat dengan kerana Allah, semuanya mendapat pahala dan dinamakan ibadat.

Dengan ini, kita sebagai manusia harus dan mestilah sentiasa mengingati Allah dan beribadat kepadanya pada tiap-tiap masa dan ketika.

Kita tidak boleh membuang masa dengan begitu sahaja di dalam semua lapangan hidup kita, melainkan hendaklah kita sentiasa mengingati Allah. Dan juga kita mesti ingat, orang yang taat perintah Allah akan dimasukkan ke dalam Syurga selama-lamanya.-

(حَالَهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ)

Kekal mereka itu di dalam Syurga selama-lamanya.

bersambung .

(2)

Dan orang yang ingkar pula dimasukkan ke dalam Neraka selama-lamanya.

مَا لِهِنَّ حِلٌّ لَّهُ أَبْرَأُ

Kekal mereka itu di dalam Neraka selama-lamanya.

Di sini kita mesti faham betul-betul - Apakah maksud selama-lamanya?

Buat menjawabnya: Iaitu sampai bila-bila masa pun tidak boleh keluar, walaupun sampai seribu tahun, sejuta tahun, seribu juta tahun pun tidak boleh keluar selama-lamanya. Sampai bila-bila pun, tunggulah selama-lamanya, tiada kesudahannya.

Alangkah seksanya kalau masuk Neraka, dalam api yang menyala selama-lamanya. (Tetapi, jika kita masuk Syurga? – Alhamdulillah.) Tidak takutkah? Ingatlah sebelum mati. Fikir betul-betul. Pilihlah taat. Berbuatlah ibadat. Bertaubatlah banyak-banyak. Beristighfarlah banyak-banyak.

إِنَّ اللَّهَ كَفُورٌ بِكُلِّ مُجْرِمٍ

Sesungguhnya Allah maha mengampun lagi maha kasih sayang. Ingat, orang kafir sekali pun jika dia memeluk islam, Allah akan ampun segala dosanya. Taatlah pada Allah, bukan payah – Cuma turut sahaja apa perintah Allah. Insya allah, nescaya kita selamat di Dunia dan di Akhirat.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

WALLAHU WAALAM